

PROGRAM MOTIVASI & KEMAHIRAN BELAJAR 2007

Pendidikan Utusan

“Kehendak dalaman yang berkaitan dengan motivasi diri adalah penting dalam menentukan tindakan. Tetapi tindakan tidak akan berlaku atau hanya berlaku sementara sahaja jika ia tidak digarapkan dengan ilmu dan kemahiran belajar yang menjadi asas kepada pembinaan modal insan.”

*Dr. Ismail Zain
(pakar motivasi & pendidik)*

Asalamualaikum dan selamat sejahtera kepada para guru, ibu bapa, pelajar serta mereka yang berminat dalam bidang pendidikan. Tahniah dan terima kasih kepada mereka yang telah menyertai program seumpama ini tempoh hari.

Atas sokongan dan galakan Timbalan Menteri Pelajaran Malaysia Y.B Dato' Noh Omar dalam ucapan perasmian penutupan Program Persiapan SPM Disember lalu yang inginkan program seumpama ini diteruskan serta diatas permintaan ibu bapa dan pelajar, maka pada tahun 2007 ini berbagai kursus dirancang untuk disertai oleh pelajar terutamanya mereka yang akan menduduki UPSR, PMR & SPM. Butiran kursus ada disertakan untuk memudahkan para ibu bapa mendapat maklumat dan seterusnya membuat pendaftaran.

Program Motivasi & Kemahiran Belajar telahpun memberi perkhidmatan cemerlang kepada pelajar-pelajar, guru dan ibu bapa di seluruh Malaysia sejak tahun 1995. Program tersebut meliputi ceramah, kursus motivasi dan kemahiran belajar telah mendapat sambutan yang hangat di seluruh negara.

Modul kursus dirancang dengan teliti oleh pakar motivasi dan pendidik Dr. Ismail Zain yang juga merupakan Penasihat Pendidikan Utusan, agar ianya berketepatan dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan serta selaras dengan kehendak Kementerian Pelajaran Malaysia yang ingin melahirkan generasi pelajar yang kritis, kreatif dan inovatif. Oleh itu para ibu bapa, & pelajar haruslah mengambil peluang untuk mengikuti kursus-kursus yang sesuai yang disenaraikan ke arah pembentukan modal insan yang berjaya.

Kursus-kursus yang ditawarkan sepanjang tahun 2007 ini ialah:

- A. Kursus Pengurusan Pembelajaran Strategik (KPPS)
- B. Seminar Strategi Menjawab Soalan SPM Kebangsaan 2007

PROGRAM A. (Terbuka untuk pelajar rendah dan menengah)

A. KURSUS PENGURUSAN PEMBELAJARAN STRATEGIK (KPPS)

(Siri program yang mengintegrasikan aspek motivasi diri & kemahiran belajar khas untuk pelajar sekolah rendah dan menengah)

- Memandangkan aspek motivasi diri dan kemahiran belajar ini penting bagi setiap pelajar, maka pihak kami akan mengadakan Kursus Pengurusan Pembelajaran Strategik (KPPS) di beberapa lokasi seluruh negara mulai awal bulan Mac hingga bulan Mei ini dan ianya terbuka kepada semua pelajar rendah dan menengah. Kursus selama 2 hari ini akan dipenuhi dengan suntikan semangat, refleksi diri, strategi mengulang kaji, strategi pengurusan masa dan satu sesi majlis ilmu bersama ibu bapa iaitu strategi pemantauan pembelajaran anak-anak.
- Kursus ini adalah penting kerana ia merupakan kemahiran asas dan bertindak selaku pembuka minda & jiwa pelajar dalam proses pembelajaran.
- Penceramah utama yang mengendalikan kursus ini ialah pakar motivasi dan pendidik Dr. Ismail Zain. Fasilitator lain bertindak sebagai urusetia & pembimbing, manakala terdapat juga penceramah jemputan memberi input tambahan terutamanya dalam bidang bimbingan kerjaya dan kemasukan ke IPT
- Modul kursus ini direka bentuk dengan teliti berlandaskan teori pembelajaran oleh Dr. Ismail Zain yang berpengalaman luas dalam bidang pendidikan. Sebagai pendidik beliau amat peka tentang keperluan pendidikan serta keperluan pelajar-pelajar sekolah masa kini.

MAKLUMAT PEJALANAN KURSUS

- Kursus terbuka untuk pelajar rendah (tahun 5 & 6) serta pelajar menengah (Ting. 1 hingga 5), keutamaan diberi kepada pelajar yang akan menduduki UPSR, PMR & SPM 2007
- Kursus dijalankan selama 2 hari (pagi hingga petang sahaja) pada hujung minggu atau di hari cuti semestar persekolahan.
- Kursus meliputi bimbingan, serta bengkel untuk memastikan pelajar memahami apa yang diajar serta boleh mempraktikkannya.
- Kursus dijalankan di beberapa lokasi seperti tersenarai di bawah. Kebiasaannya tempat kursus ialah di dewan kuliah Institut Pengajian Tinggi atau yang bersesuaian dengannya. Tarikh sebenar dan tempat akan dimaklumkan sebaik sahaja jumlah bagi sesuatu lokasi itu mencukupi bilangannya. Walau bagaimanapun jika terdapat ramai pelajar maka kursus ini akan diadakan semula di lokasi yang sama pada masa yang ditetapkan nanti.

PENDAFTARAN

- Ibu bapa diminta mendaftar dahulu anak-anak mereka tanpa membuat pembayaran.
- Setelah jumlah pelajar yang mendaftar mencukupi maka ibu bapa akan dimaklumkan melalui SMS, paparan akhbar A-Kelas, Tutor dan laman web Portal Pendidikan Utusan ini untuk membuat pembayaran seperti diarahkan nanti.

JUMLAH PESERTA

- Hanya 200 pelajar sahaja diterima bagi setiap sesi. Sesi tambahan akan dibuat jika terdapat ramai pelajar mendaftar bagi setiap lokasi
- Tempat penginapan tidak disediakan. Ibu bapa dinasihatkan mencari tempat penginapan sendiri jika ianya berjauhan dengan rumah.

YURAN PENDAFTARAN

- Yuran pendaftaran ialah RM200 termasuk makan & minum selama 2 hari.
- Peserta dibekalkan dengan fail, modul kursus, cenderahati & sijil penyertaan.

JADUAL KURSUS

- Kursus ini memberi penekanan kepada 3 aspek kemahiran yang penting dalam menentukan kejayaan pelajar di mana didapati kemahiran ini amat kurang dikuasai oleh pelajar.
- Tiga aspek kemahiran ini ialah kemahiran *intrapersonal* (kesedaran motivasi & urusan diri) kemahiran belajar (teknik mengulang kaji yang berfokus, kesedaran tentang kepelbagaian kecerdasan - *multiple intelligences*, & kepelbagaian stail belajar - *learning styles*) serta kemahiran pengurusan masa (penjadualan belajar secara sistematik & strategik)
- Kursus dua hari ini digabungkan dengan teori & praktikal (bengkel) untuk memastikan pelajar mendapat kemahiran yang diajar.
- Di akhir kursus para ibu bapa akan diberi taklimat agar pemantauan berterusan dapat dilakukan oleh ibu bapa untuk memastikan kesinambungan kursus dengan aktiviti anak-anak di rumah dapat dikekalkan ke arah kecemerlangan.

TEKNIK PENYAMPAIAN

Penyampaian dilakukan secara interaktif melalui:

- Tunjukcara
- Quiz
- Diskusi
- Bengkel
- Perbincangan
- Tayangan LCD

JADUAL

TARIKH/ MASA	7.30 - 8.00 pg.	8.00 - 10.30 pg.	10.30 - 11.00 pg.	11.00 - 12.45 t/hari	12.45 - 2.00 ptg.	2.00 - 4.30 ptg	4.30 - 5.00 ptg	5.00 - 6.00 ptg.
PERTAMA	Pendaftaran	Kemahiran Intrapersonal (motivasi diri)	REHAT	Kemahiran belajar (strategi mengulang kaji)	REHAT	Bengkel strategi mengulang kaji	solat/minum petang	Persembahan bengkel/interaksi
KEDUA	Pendaftaran	Kemahiran Pengurusan Masa	(minum pagi)	Bengkel Kemahiran Pengurusan Masa	(makan t/hari, solat)	Persembahan bengkel/interaksi/ Refleksi	4.45 - 6.00 ptg. majlis ilmu/taklimat ibu bapa	6.00 - 6.15 ptg. majlis penutupan/majlis restu (pelajar bersama ibu bapa)

LOKASI KURSUS

Kuala Lumpur, Johor Baharu, Melaka, Pulau Pinang, Alor Setar, Kuantan, Ipoh, Kota Bharu, Kuala Trengganu, Kuching, dan Kota Kinabalu.

(Tarikh & tempat kursus akan dimaklumkan kepada ibu bapa & pelajar kemudian)

Borang yang telah lengkap sila hantarkan ke alamat berikut:

**Urusetia Kursus Pengurusan Pembelajaran Strategik
d/a Innovative Mind Enterprise
3, Prsn. Wira Jaya Barat 58
Taman Rapat Setia Baru
31350, Ipoh Perak**

Sebarang pertanyaan boleh hubungi:

019-5713745 – motivator – Dr. Ismail Zain (berkaitan dengan pengisian kursus)

017-5379397 – pengurus projek – Cik Noor Hanida (berkaitan dengan pendaftaran)

Borang juga boleh difax ke talian 05-3135719

**PROGRAM A
KURSUS PENGURUSAN PEMBELAJARAN STRATEGIK
(KPPS)
BORANG PENYERTAAN**

(borang ini boleh diperbanyakkan, sila simpan satu salinan untuk rujukan)

NAMA PELAJAR:
TINGKATAN (MEN)/TAHUN (RENDAH):
JANTINA:
NO. KAD PENGENALAN:
ALAMAT:

NO. TELEFON: (RUMAH)..... (BIMBIT – ibu/bapa/penjaga).....
ALAMAT E-MAIL: (jika ada)

LOKASI	PILIHAN
KUALA LUMPUR	<input type="checkbox"/>
JOHOR BHARU	<input type="checkbox"/>
PENANG	<input type="checkbox"/>
PERAK	<input type="checkbox"/>
KOTA BHARU	<input type="checkbox"/>
KUANTAN	<input type="checkbox"/>
KUALA TRENGGANU	<input type="checkbox"/>
KUCING, SARAWAK	<input type="checkbox"/>
KOTA KINABALU, SABAH	<input type="checkbox"/>
ALOR STAR	<input type="checkbox"/>
MELAKA	<input type="checkbox"/>
SEREMBAN	<input type="checkbox"/>
* Sila tanda x pada kotak mengikut pilihan lokasi tempat kursus. Anda boleh memilih lebih daripada satu lokasi untuk memudahkan penempatan anda nanti.	

Sila kembalikan borang ini ke alamat di bawah dengan segera sebelum akhir Februari untuk mendapat tempat dan mengikuti kursus terlebih lebih awal serta potongan harga istimewa

**Urusetia Seminar Strategi Menjawab Soalan SPM Kebangsaan 2007
d/a Innovative Mind Enterprise
3, Persiaran Wira Jaya Barat 58
Taman Rapat Setia Baru
31350, Ipoh Perak**

Borang juga boleh difax ke talian 05-3135719

PROGRAM B (Khas untuk pelajar SPM)

SEMINAR STRATEGI MENJAWAB SOALAN SPM KEBANGSAAN 2007

(Siri program teknik & bimbingan menjawab soalan peperiksaan SPM)

- Program khas untuk pelajar SPM sahaja dan akan diadakan di 2 lokasi iaitu di salah satu Institut Pengajian Tinggi di Kuala Lumpur (bagi pelajar perdagangan dan sastera) serta di Institut Pengajian Tinggi di Perlis, bagi pelajar sains & teknikal.
- Pengisian program ialah bimbingan teknik menjawab soalan oleh guru-guru pakar, motivasi, aktiviti LDK serta maklumat daripada pengawai-pegawai bahagian yang berkaitan dengan kemasukan ke IPT.
- Kursus berjalan selama 4 hari 3 malam
- Pelajar/atau ibu bapa/penjaga diminta mengisi borang yang dikepilkan (tanpa bayaran) untuk kami membuat bancia awal.
- Surat tawaran khas akan diedarkan serta bayaran perlu dibuat mengikut arahan selanjutnya nanti. Pendaftaran juga boleh dibuat di laman web Portal Pendidikan Utusan secara on line di www.tutor.com.my mulai Februari ini.
- Yuran Kursus – RM300 (termasuk tempat penginapan, makan & minum, fail, modul, sijil penyertaan & cenderahati)
- Walau bagaimanapun peserta yang berdaftar melalui borang ini dan memulangkannya sebelum akhir Februari, 2007 ini akan mendapat beberapa kemudahan tambahan seperti:
 - Potongan 10% daripada yuran asal .
 - Melayari laman web Portal Pendidikan Utusan secara percuma (yuran sebenar RM30) selama 1 tahun **dan memuat turun secara percuma kecuali bahan-bahan premium** yang tertakluk kepada syarat yang dikenakan
 - Ini bermakna yuran yang perlu dibayar ialah RM270 sahaja.

Oleh kerana tempat terhad untuk 200 pelajar sahaja bagi kedua-dua lokasi, Ibu bapa dinasihatkan segera berdaftar untuk membolehkan anak-anak mereka mendapat tempat serta mengikuti kursus ini..

Borang yang telah lengkap sila hantarkan ke alamat berikut:

**Urusetia Seminar Strategi Menjawab Soalan SPM Kebangsaan 2007
d/a Innovative Mind Enterprise
3, Persiaran Wira Jaya Barat 58
Taman Rapat Setia Baru
31350, Ipoh Perak**

Sebarang pertanyaan boleh hubungi:

019-5713745 – motivator – Dr. Ismail Zain (berkaitan pengisian program)

017-5379397 – pengurus projek – Cik Noor Hanida (berkaitan pendaftaran)

Borang juga boleh difax ke talian 05-3135719

PROGRAM B

**SEMINAR STRATEGI MENJAWAB SOALAN SPM
KEBANGSAAN 2007**

BORANG PENYERTAAN

(borang ini boleh diperbanyakkan, sila simpan satu salinan untuk rujukan)

NAMA PELAJAR:

TINGKATAN:

JANTINA:

NO. KAD PENGENALAN:

ALAMAT:

NO. TELEFON: (RUMAH)..... (BIMBIT – ibu/bapa/penjaga).....

ALAMAT E-MAIL: (jika ada)

PILIHAN LOKASI:

A) Kuala Lumpur

Untuk aliran sastra sahaia

B) Perlis

Untuk aliran sains & teknikal sahaia

* Sila tanda x pada kotak mengikut pilihan lokasi tempat kursus

Sila catatkan di bawah ini mata pelajaran yang diambil bagi memudahkan pihak kami menyusun jadual:

Tandatangan,

**Urusetia Seminar Strategi Menjawab Soalan SPM Kebangsaan 2007
d/a Innovative Mind Enterprise
3, Persiaran Wira Jaya Barat 58
Taman Rapat Setia Baru
31350, Ipoh Perak**

Borang juga boleh difax ke talian 05-3135719